

02 NOV 1998

Syed Hamid-Singapura

TERPULANG KEPADA SINGAPURA UNTUK WUJUDKAN HUBUNGAN LEBIH BAIK

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Malaysia tidak mempunyai masalah untuk mengadakan hubungan baik dengan jiran-jirannya lebih-lebih lagi Singapura kerana negara ini sentiasa berpegang kepada dasar berbaik-baik dengan jirannya, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata kini terpulang kepada Singapura untuk memulihkan semula hubungannya dengan negara ini.

"Soal ini (hubungan baik antara Malaysia-Singapura) patut wujud kerana kita adalah sebuah negara yang mempunyai sejarah dan jiran yang rapat, jadi tidak patut ada masalah untuk kita adakan perhubungan baik," katanya kepada pemberita di ruang legar bangunan Parlimen di sini hari ini.

Syed Hamid berkata sikap yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah bahawa Malaysia boleh berbaik-baik dengan mana-mana negara yang hendak berbaik dan mengadakan hubungan yang rapat dengan negara ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai isu pencerobohan ruang udara Malaysia oleh jet Tentera Udara Republik Singapura (RSAF) dan kenyataan Perdana Menteri Singapura Goh chok Tong bahawa republik itu mahu perhubungan baik antara kedua-dua negara dipulihkan seperti asal.

Syed Hamid berkata bantahan diplomatik mengenai pencerobohan ruang udara yang dikemukakan oleh Malaysia tidak akan menegangkan hubungan antara kedua-dua negara.

"Ia perkara biasa. Selalunya kita buat pemerhatian, kesannya dan bila mendapati serta berpuashati bahawa ia adalah satu pelanggaran atau pencerobohan, kita beri tarikh-tarikhnya dan dia (Singapura) akan selidik rekod dia. Kalau dia jawab ia bukan kapal terbang dia, kita akan ambil perhatian sahaja," katanya

Katanya Malaysia juga berminat untuk melihat perhubungan pertahanan antara Malaysia dan Singapura dipulihkan ke sedia kala.

Syed Hamid berkata kenyataan yang dibuat mengenai isu pencerobohan tidak patut dipersoalkan oleh mana-mana pihak termasuk lidah pengarang akhbar Singapura kerana ia sebenarnya adalah respons kepada soalan yang dikemukakan oleh Anggota Parlimen semasa persidangan Dewan Rakyat yang berlangsung sekarang.

Lidah Pengarang The Straits Times Singapura baru-baru ini meminta kerajaan Malaysia supaya menunjukkan bukti pencerobohan udara berkenaan atau "menutup mulut."

Ditanya sama ada Malaysia akan meningkatkan kerjasama pertahanan dengan Singapura, Syed Hamid berkata masalah hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura tidak berkaitan langsung dengan masalah pencerobohan ruang udara.

"Soal ruang udara tidak ada kaitan dengan keadaan sekarang. Ia adalah kerana kepentingan nasional dan kehendak umum.

"Kita telah mengkaji soal (ruang udara) ini sejak dua tahun lepas yang tidak ada kaitan dengan masalah sekarang dan ia bukannya soal jangka pendek. Ia berhubung dengan penjagaan kepentingan Malaysia, ruang udara kita kini lebih selamat untuk umum," katanya.

Terdahulu semasa sesi soal jawab di Dewan Rakyat, Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Abdullah Fadzil Che Wan berkata sejak tamatnya keistimewaan penggunaan ruang udara Malaysia untuk pesawat RSAF pada 18 Sept lepas, terdapat tujuh kejadian pencerobohan.

Katanya kerajaan Malaysia juga tidak menerima sebarang bantahan rasmi daripada kerajaan Singapura memandangkan penggunaan ruang udara yang

diberikan adalah satu keistimewaan.

-- BERNAMA

HS MAI